

• aab

Mahathir - Timur

PEMBANGUNAN PANTAI TIMUR AKAN JADI LEBIH PESAT, KATA DR M

KEMAMAN, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata proses pembangunan di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung akan bertambah pesat kerana adanya tarikan tersendiri terutamanya dalam aspek pelancongan.

Katanya, negeri-negeri Pantai Timur mempunyai pantai yang cantik, bersih dan menarik yang meliputi sepanjang 900km dari utara ke selatan.

"Kemungkinan bagi pelancongan menjadi industri besar adalah jelas tetapi kita mesti sanggup menyusun langkah untuk membangunkannya.

"Maka kita perlu pula kepada mereka yang sudah mempunyai pengalaman untuk membangunkannya. Jika membangunkannya secara sendiri-sendiri mungkin tidak menarik," katanya ketika melakukan upacara pecah tanah Projek Bandar Pelancongan Kijal dekat sini hari ini.

Projek di atas kawasan tepi pantai seluas 315.9 hektar itu ialah usahasama kerajaan negeri Terengganu dengan swasta. -- Lagi.

▼12/10/11-45MST

CNS5091

U GB 12-10 00142 BA122

aab

Mahathir - Timur 2 Kemaman

Dr Mahathir berkata, sebelum ini pembangunan seolah-olah ditumpukan di negeri-negeri Pantai Barat kerana sememangnya di mana-manapun projek pembangunan dimulakan di tempat-tempat yang sudah maju.

"Ini perkara yang tidak dapat dielakkan. Apabila berusaha membangunkan negara, tempat yang ditumpukan dahulu ialah tempat-tempat yang sudah dibangunkan iaitu di Pantai Barat.

"Tetapi akibat pembangunan yang pesat akhirnya Pantai Barat tidak lagi menjadi begitu menarik kerana kos yang tinggi dan bilangan pekerja yang semakin berkurangan dan pelaburanpun berkembang ke tempat-tempat lain termasuk ke Pantai Timur," katanya.

Dalam pada melaksanakan projek-projek pembangunan pula, ia memerlukan perancangan agar projek itu sama nilainya dengan aset yang terlibat dalam pelaburan itu, katanya.

Menurutnya, tiada faedahnya jika ada aset yang bernilai tinggi seperti pantai-pantai yang indah, tetapi perusahaan yang dijalankan bernilai rendah.

-- Lagi.

▼12/10/11-46MST

CNS5093

U GB 12-10 00150 BA123

aab

Mahathir - Timur 3 (Akhir) Kemaman

"Begitu juga jika ada pantai yang cantik, tetapi kita hanya menggunakannya untuk menarik pelancong daif, maka aset kita yang bernilai tinggi itu digunakan untuk menarik keuntungan yang amat rendah," katanya.

Oleh itu, katanya, perancangan harus dilakukan untuk membangunkan projek yang sama nilai iaitu dengan membina hotel-hotel lima bintang yang dapat menarik pelancongan-mewah yang akhirnya bukan sahaja menguntungkan pengusaha tetapi kerajaan dan rakyat.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pula berkata projek pembangunan pelancongan itu mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu pelancongan dan perumahan, demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Antara kemudahan yang disediakan ialah sebanyak 230 unit villa, hotel 120 bilik serta 40 unit challet.

Katanya, projek itu dijangka siap dalam tempoh antara lima dan 10 tahun dan beliau berharap projek itu dapat dimulakan segera. -- Bernama.

AWA NMO

▼12/10/11-48MST